



## KENYATAAN MEDIA

### **PERLAKSANAAN KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 1 JUN SEHINGGA 14 JUN 2021 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan senantiasa mengikuti perkembangan penularan wabak Covid-19 di negeri Terengganu yang menyebabkan berlaku peningkatan kes positif yang amat membimbangkan di akhir-akhir ini.

Baginda menzahirkan kebimbangan dengan situasi ini dan menyeru semua pihak supaya mengambil perhatian serius bagi membendung gejala ini.

Selaras dengan kenyataan media Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021, Kerajaan Persekutuan dan sidang media oleh

YB Menteri Kanan Pertahanan pada 30 Mei 2021, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu bersetuju selepas mengambil kira pandangan Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu, Pengarah Majlis Keselamatan Negara Negeri Terengganu dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, pelaksanaan aktiviti ibadat di masjid dan surau di negeri Terengganu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

- i. Solat Jumaat adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **DIGANTI** dengan melakukan Solat Fardhu Zohor dengan kehadiran jemaah seramai **DUA BELAS (12) orang** sahaja terdiri dari Pegawai Masjid dan Ahli Jawatankuasa.
- ii. Ahli qaryah hendaklah menggantikan Solat Jumaat dengan menunaikan Solat Zohor dan menunaikan solat-solat fardhu yang lain di rumah masing-masing.
- iii. Solat Fardhu berjemaah di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan jemaah seramai **DUA BELAS (12) orang** sahaja.
- iv. Kehadiran ahli jemaah hanyalah **DIBENARKAN** dari kalangan **ahli qaryah yang bermastautin** sahaja.
- v. Bukan Warganegara adalah **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke masjid atau surau sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan.

- vi. Aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- vii. Pengurusan dan Solat jenazah di masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- viii. Upacara Akad nikah **DIBENARKAN** dilaksanakan di Pejabat Agama Daerah dengan kehadiran seramai **LAPAN (8) orang** sahaja termasuk wali dan jurunikah.
- ix. Mana-mana kawasan yang dikenakan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** hendaklah mematuhi arahan sebagaimana kenyataan media “Perlaksanaan Kebenaran Aktiviti Ibadat Di Masjid Dan Surau Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Mulai 22 Mei Sehingga 4 Jun 2021 Di 15 Mukim Dalam Daerah Besut, Terengganu Darul Iman” yang dikeluarkan pada 24 Mei 2021.
- x. Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah Seksyen 18 (1) (d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.
- xi. Jawatankuasa masjid dan surau dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan

Keselamatan dan Garis Panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dari masa ke semasa.

- xii. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu diminta membuat pemantauan dan Pesuruhjaya boleh mengambil tindakan tegas mana-mana masjid atau surau yang tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Baginda berharap agar rakyat jelata akan terus bertabah disamping menjaga kebersihan dan keselamatan diri serta keluarga, terus berada di rumah dan keluar hanya apabila ada keperluan sahaja.

Baginda menyeru rakyat jelata memperbanyakkan berdoa, berzikir dan bertahmid ke hadrat Allah Subhanahu Wataala supaya dilindungi dari wabak ini dan semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati dan merahmati kita semua.

**Menjunjung titah,**



**DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

**31 MEI 2021M BERSAMAAN 19 SYAWAL 1442H**